

# 04DEC – 14DEC 2018

HARI/MASA/TARIKH	PROGRAM
<b>HARI 01</b> 04 DEC 18 SELASA KUL / JED / MED	(M) Para jemaah hendaklah berkumpul di Aras 5 kaunter 'L' KLIA jam 8.30 pagi iaitu 3 1/2 jam sebelum berlepas ke Jeddah pada pukul 3.00 petang. Jemaah dijangka tiba di Jeddah pada jam 7.35 petang. Jemaah akan dibawa oleh mutawif menaiki bas berhawa dingin ke Madinah.
<b>HARI 02</b> 05 DEC 18 RABU MED	(S/T/M) Jemaah dijangka tiba di Madinah jam 4.30 pagi, Daftar masuk hotel penginapan dan berehat. Selepas solat Asar, Jemaah akan dibawa ziarah dalam ke sekitar <b>Masjid Nabawi, Maqam Rasulullah S.A.W, Maqam Saidina Abu Bakar R.A, Maqam Saidina Umar R.A, Raudah (bimbingan Mutawiffah untuk wanita) dan Perkuburan Baqi</b>
<b>HARI 03</b> 06 DEC 18 KHAMIS MED	(S/T/M) Selepas sarapan, Jemaah akan dibawa oleh mutawif menziarahi tempat-tempat bersejarah di sekitar kota madinah seperti <b>Masjid Quba, Bukit Uhud, Masjid Qiblatain, Ladang kurma, melalui Masjid Tujuh dan tempat yang pernah menjadi Medan Perang Qhandak.</b>
<b>HARI 04</b> 07 DEC 18 JUMAAT MED	(S/T/M) Aturcara bebas. Jemaah diingatkan, perbanyakkan ibadah di dalam masjid. (Bagi Jemaah yang ingin kemana-mana dinasihatkan memaklumkan kepada ketua Jemaah yang dilantik atau rakan sebilik).
<b>HARI 05</b> 08 DEC 18 SABTU MED / MAK	(S/T/M) Acara bebas, Selepas solat Zohor, Jemaah di minta bersiap untuk ziarah Wida' dan akan bertolak ke Mekah. Dalam perjalanan, Jemaah akan singgah Bir Ali untuk memakai ihram dan berniat umrah ( <b>Dalam perjalanan Jemaah akan berhenti makan di R&amp;R</b> ). Setibanya di Mekah, jemaah akan di bawa ke hotel untuk daftar masuk dan dinasihat berehat sebentar sebelum melakukan Umrah.
<b>HARI 06</b> 09 DEC 18 AHAD MAK	(S/T/M) Aturcara bebas. Jemaah diingatkan, perbanyakkan ibadah di dalam masjid. (Bagi Jemaah yang ingin kemana-mana dinasihatkan memaklumkan kepada ketua Jemaah yang dilantik atau rakan sebilik).
<b>HARI 07</b> 10 DEC 18 ISNIN MAK	(S/T/M) Selepas sarapan, Jemaah akan dibawa menziarah Manasik Haji seperti <b>Jabal Thur, Jabal Nur, Padang Arafah, Jabal Rahmah, Mudzalifah, Mina dan Jaaranah</b> . Jemaah boleh berniat ihram di Jaaranah bagi menyempurnakan ibadah umrah seterusnya
<b>HARI 08</b> 11 DEC 18 SELASA MAK	(S/T/M) Aturcara bebas. (Bagi Jemaah yang ingin mengerjakan umrah dinasihatkan memaklumkan kepada ketua Jemaah yang dilantik). Jemaah boleh bermiqat di Ta'naim (7.5km dari Masjidil Haram).
<b>HARI 09</b> 12 DEC 18 RABU MAK	(S/T/M) Selepas sarapan, Jemaah akan dibawa ke <b>Hudaibiyah</b> . Di Hudaibiyah Jemaah dibawa melawat <b>Muzium Makkah</b> (tertakluk kepada kelulusan kementerian dalam negeri Saudi) Jemaah diingatkan membawa/memakai ihram kerana berpeluang bermiqat di Hudaibiyah.
<b>HARI 10</b> 13 DEC 18 KHAMIS MAK	(S/T/M) Aturcara bebas. (Bagi Jemaah yang ingin mengerjakan umrah dinasihatkan memaklumkan kepada ketua Jemaah yang dilantik). Jemaah boleh bermiqat di Ta'naim (7.5km dari Masjidil Haram).
<b>HARI 11</b> 14 DEC 18 JUMAAT MAK	(S/T) Selepas jam 11.00 pagi, Jemaah bolehlah mengerjakan tawaf wida. Pulang kehotel Jemaah daftar keluar hotel dan bersedia untuk bertolak ke airport Jeddah jam 2.00 petang untuk berangkat pulang. Jemaah dijangka bertolak dari Jeddah pada jam 9.05 malam.
<b>HARI 12</b> 15 DEC 18 SABTU MAK	Jemaah dijangka tiba di KLIA jam 01.00 petang. Semoga beroleh umrah maqbullah, Insyallah. Amin....